

SPR Tidak Tolak Kemungkinan Ppanjangkan Tempoh Berkempen Untuk PRU-13
Bernama
15Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Wira Wan Ahmad Wan Omar tidak menolak kemungkinan memanjangkan tempoh berkempen untuk Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 melebihi 10 hari.

Beliau berkata ini berasaskan kepada komitmen SPR untuk mengadakan minima tempoh berkempen bagi sesebuah PRU selama 10 hari, yang jauh lebih tinggi daripada tempoh tujuh hari yang ditetapkan sebelum ini.

"Berkemungkinan SPR akan memberi tempoh berkempen selama 15, 16 atau 17 hari. Namun begitu, segalanya akan diputuskan oleh SPR apabila satu mesyuarat khas bagi menetapkan tempoh rasmi berkempen diadakan selepas pembubaran Parlimen diumumkan oleh Perdana Menteri," katanya ketika ditemu ramah dalam program 'Dalam Radar' terbitan Bernama Radio24 di sini Isnin.

Beliau berkata bagaimanapun menetapkan tempoh berkempen yang sesuai, SPR perlu melakukannya secara berhati-hati bagi memastikan prosiding PRU dapat berjalan seperti yang dirancang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666411>